

Headline	Usaha kekal seni batik		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	05 Apr 2014	Color	Full Color
Section	Mahkamah	Circulation	160,000
Page No	48	Readership	509,000
Language	Malay	ArticleSize	186 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 2,364
Frequency	Daily	PR Value	RM 7,092



# Usaha kekal seni batik

Miti, Fakulti Seni Lukis Seni Reka UiTM anjur pertandingan batik lukis

**MACHANG** - Menyedari kesenian batik harus dipelihara sebagai kebanggaan negara, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (Miti) dan Fakulti Seni Lukis Seni Reka Universiti Teknologi Mara (UiTM) cawangan Kelantan bekerjasama menjayakan pertandingan batik lukis.

Pengarah Miti Kelantan, Azran Abdul Rahman berkata, selain memupuk minat golongan muda, pertandingan tersebut bertujuan mencungkil bakat-bakat baru mahasiswa UiTM dalam bidang itu.

"Bidang seni mempunyai cabang yang luas yang mana turut menampilkan identiti bangsa dan kesenian negara. Tidak terhenti setakat itu ia mampu dikomersialkan bagi menjana ekonomi penggiatnya malah tidak pernah luput ditelan zaman biarpun diwarisi turun temurun.

"Kesenian batik sendiri mempunyai bidang yang luas dan perlu diterokai golongan muda sesuai dengan citarasa masyarakat hari ini," katanya selepas majlis pelancaran

Pertandingan Batik Lukis di UiTM cawangan Kelantan, di sini, kelmarin.

Hadir sama, Rektor UiTM, Datuk Hilmi Ab. Rahman dan Timbalan Rektor Hal Ehwal Akademik, Prof. Madya Zulkarnain Yusof.

Menurutnya, dengan kemahiran yang ada, mahasiswa boleh mengusahakan galeri kesenian sendiri setelah menamatkan pengajian tanpa mengharapkan kerja makan gaji.

Azran berkata, jika minat dalam bidang tersebut tidak dipupuk dan dikembangkan, tidak mustahil ia akan terus dilupakan begitu sahaja terutamanya dalam kalangan anak-anak muda.

Mengulas mengenai pertandingan tersebut, Azran memaklumkan seramai 60 pelajar akan mengambil bahagian untuk mengetengahkan bakat kesenian mereka.

Katanya, selepas ini pihak Miti akan terus menganjurkan pertandingan susulan iaitu karya seni dan logam yang merupakan satu industri tradisional Kelantan.

Headline	Usaha kekal seni batik		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	05 Apr 2014	Color	Full Color
Section	Mahkamah	Circulation	160,000
Page No	48	Readership	509,000
Language	Malay	ArticleSize	186 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 2,364
Frequency	Daily	PR Value	RM 7,092



**Hilmi menyerahkan borang Pertandingan Batik Lukis kepada Azran (kanan) sebagai simbolik Pelancaran Pertandingan Batik Lukis di UiTM cawangan Kelantan, kelmarin.**